

Februari 16, 2025

Jadi, bilamana kami beritakan, bahawa Kristus dibangkitkan dari antara orang mati, bagaimana mungkin ada di antara kamu yang mengatakan, bahawa tidak ada kebangkitan orang mati? Sebab jika benar orang mati tidak dibangkitkan, maka Kristus juga tidak dibangkitkan. Dan jika Kristus tidak dibangkitkan, maka sia-sialah kepercayaan kamu dan kamu masih hidup dalam dosamu.

1 Korintus 15: 12, 16-17

www.heraldmalaysia.com

Semua NYAWA kanak-kanak **BERNILAI**



Demi memperjuangkan hak kanak-kanak, Sri Paus Fransiskus berhasrat akan menerbitkan Ekshortasi Apostolik tentang kanak-kanak. Gambar menunjukkan Bapa Suci bertemu dengan kanak-kanak semasa Sidang Kemuncak Antarabangsa Hak Kanak-kanak di Vatikan pada Februari 3, 2025. (Media Vatikan).

TAKHTA SUCI: Februari 3, 2025 yang lalu ialah hari yang didedikasikan untuk kanak-kanak. Sempena hari tersebut, Vatikan telah mengadakan Sidang Kemuncak Antarabangsa mengenai Hak Kanak-Kanak yang pertama di Istana Apostolik dengan kehadiran Sri Paus Fransiskus, peguam bela, dan ketua NGO. Penceramah dari seluruh dunia datang untuk membincangkan krisis global berjuta-juta kanak-kanak tanpa hak asasi manusia.

Mesej yang berbunyi sepanjang Sidang Kemuncak itu ialah “tiada yang lebih bernilai daripada nyawa seorang kanak-kanak.”

Dalam dunia yang ditandai dengan kemiskinan, perperangan, kekurangan pendidikan dan eksloitasi, kanak-kanak di merata dunia menghadapi ketidakadilan dan kelemahan.

Bapa Suci Fransiskus melahirkan rasa terima kasihnya kepada semua peserta dan penceramah kerana menjadikan “bilik Istana

Apostolik sebagai ruang memerhati” yang tertumpu pada realiti zaman kanak-kanak di seluruh dunia.”

Lebih daripada sekadar tempat untuk memerhati, Sri Paus turut menggambarkan Sidang Kemuncak itu sebagai “makmal” dan memetik kata-kata Fr Ibrahim Faltas, Vikaris Penjaga Tanah Suci yang mengatakan, “Kanak-kanak sedang memerhatikan kita.”

Sri Paus menjelaskan bahawa kanak-kanak memerhati “kita untuk melihat bagaimana kita bergerak ke hadapan dalam hidup.”

Sangat Papa turut menjelaskan bahawa beliau berhasrat untuk menulis Ekshortasi Apostolik yang didedikasikan kepada kanak-kanak sebagai kesinambungan kepada komitmen memperjuangkan hak kanak-kanak dan mempromosikannya di seluruh Gereja.”

Tujuh orang panel merangkumi pelbagai topik: daripada hak kanak-kanak di dunia moden dan akses kepada pendidikan kepada hak untuk masa lapang dan hak untuk mendapatkan makanan dan penjagaan kesihatan.

Ratu Rania Al Abdullah dari Jordan dalam pesannya, menggesa masyarakat Antarabangsa untuk menjaga setiap kanak-kanak tidak kira keadaan mereka.

Baginda Ratu menekankan itu adalah janji yang dibuat dunia kepada kanak-kanak kera-

na “setiap kanak-kanak mempunyai tuntutan yang sama terhadap perlindungan dan penjagaan kita.”

Ratu itu menekankan statistik yang mengjutkan tentang kanak-kanak di Gaza: 96% melaporkan merasakan kematian mereka akan berlaku dan hampir 50% berkata mereka ingin mati.

Ratu Rania mengajukan soalan, “bagaimanakah kita membiarkan kemanusiaan kita sampai kepada ini? Hanya jika manusia melakukan usaha secara sedar visi indah dunia yang lebih baik dapat disatukan.

Seorang lagi penceramah dalam sidang tersebut, bekas Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore, memberi amaran terhadap ancaman kemasuhan ekologi — yang merupakan beban kepada anak-anak di bumi ini.

Tegasnya, “kebutaan yang disengajakan telah menghalang ramai daripada melihat kesan pemanasan global, gas rumah hijau, dan bentuk perubahan iklim yang lain. Gore, Pengasas dan Presiden *The Climate Reality Project* menegaskan bahawa bukan generasi semasa yang akan terkena akibatnya, tetapi generasi anak-anak kita.”

“Kanak-kanak adalah keindahan dunia,” kata Presiden GKSD Investment Holding Group, Kamel Ghiribi. Beliau berujah ba-

hawa kita mesti melihat lebih daripada sekadar mencari penyelesaian kepada kelaparan dan ketidakadilan untuk kanak-kanak, “kita mesti mencari untuk mencari punca masalah di sebalik masalah.”

Beliau mencabar semua yang hadir dan masyarakat Antarabangsa untuk menjadi Sidang Kemuncak ini berbeza daripada yang lain dan melaksanakan panggilan untuk membantu kanak-kanak selepas Sidang Kemuncak itu tamat. Daripada hanya berkumpul bersama, mendengar ucapan yang indah, Ghiribi menggesa ahli Sidang Kemuncak untuk mengambil tindakan. “Saya harap apabila kita semua yang meninggalkan tempat ini, kita akan membuat tindakan konkret di tempat masing-masing.”

Pada akhir Sidang Kemuncak, Bapa Suci Fransiskus, bersama para penceramah menandatangani deklarasi lapan prinsip mengenai perlindungan dan penjagaan hak kanak-kanak.

Dan dengan seruan untuk bertindak ini dan matlamat untuk mencipta masa depan yang adil, walaupun Sidang Kemuncak berakhir hari ini, misinya akan diteruskan sehingga setiap kanak-kanak mendapat akses kepada hak asasi manusia yang paling asas. **Media Vatikan**

Sentiasa berpihak kepada yang miskin

Saya dibesarkan sebagai pendatang generasi kedua di pedalaman padang rumput Kanada Barat.

Keluarga kami miskin dari segi ekonomi, merupakan petani dan selalu bergelut dengan keperluan yang banyak.

Ayah dan ibu saya sangat beramal dan cuba menerapkannya dalam diri kami. Walau bagaimanapun, disebabkan kemiskinan, kami tidak mempunyai banyak manfaat daripada segi keadilan sosial.

Kami adalah orang miskin. Membesar dalam kemiskinan boleh menanam naluri dan sikap tertentu dalam diri anda, ada yang baik, ada yang buruk.

Secara positif, anda semakin percaya bahawa anda perlu bekerja keras, tiada apa yang diberikan percuma kepada anda, anda perlu menjaga diri sendiri dan orang lain perlu melakukan perkara yang sama.

Tetapi, etos itu boleh membuatkan anda daripada beberapa kebenaran utama mengenai golongan miskin.

Saya boleh memberi kesaksian tentang ini. Saya mengambil masa bertahun-tahun, melalui pekerjaan saya yang telah membawa saya melangkaui banyak sempadan, melalui beberapa pertemuan langsung dengan orang yang tidak mempunyai keperluan asas untuk hidup dan berjam-jam di dalam kelas teologi sebelum saya menyedari beberapa kebenaran asas Kitab Suci dan Kristian mengenai orang miskin.

Sekarang saya sedang bergelut untuk menjalannya, tetapi sekurang-kurangnya saya menerima dan sangat memahami bahawa perkara ini tidak boleh diremehkan oleh seorang Kristian, tanpa mengira de-

nominasi atau fahaman politik.

Secara ringkasnya, sebagai seorang Kristian, kita diberi mandat wajib untuk mendekati golongan miskin dengan belas kasihan dan keadilan.

Lebih-lebih lagi, mandat ini tidak boleh ditukar ganti dengan mematuhi perintah-perintah lain, seperti yang ditegaskan dalam Kitab Suci iaitu:

- Nabi-nabi Yahudi yang hebat mencipta mantra ini: *Kualiti iman anda akan dinilai oleh kualiti keadilan di negara ini; dan kualiti keadilan di negara ini akan sentiasa dinilai berdasarkan bagaimana "janda, anak yatim, dan orang asing"* (kod alkitabiah untuk kumpulan yang paling lemah dalam masyarakat) semasa anda hidup.
- Yesus bukan sahaja mengesahkan ini; Dia mendalaminya, mengenal pasti diri-Nya dengan orang miskin. ("Apakah sahaja yang kamu perbuat kepada yang paling hina dari umat-Ku, kamu lakukan kepada-Ku."). Dia memberitahu kita bahawa kita akan dihakimi berdasarkan cara kita memperlakukan orang miskin.
- Bahkan dalam kedua-dua Perjanjian dalam Alkitab menekankan cara kita memperlakukan orang miskin adalah bagaimana kita sebenarnya memperlakukan Yesus.
- Perhatikan bahawa Yesus mentakrifkan misinya dengan kata-kata ini: *Aku datang untuk membawa berita baik kepada orang miskin*. Lantaran itu, sebarang ajaran, khutbah atau dasar ker-

jaan yang bukan berita baik untuk orang miskin, adalah bertentangan dengan ajaran Yesus dan Injil.

Kebanyakan kita telah dibesarkan untuk mempercayai bahawa kita mempunyai hak untuk memiliki apa sahaja yang datang kepada kita mungkin melalui kerja kita sendiri atau melalui warisan yang sah.

Kita percaya bahawa tidak kira betapa besarnya kekayaan itu, ia adalah milik kita selagi kita tidak menipu sesiapa pun.

Pada amnya, perkara ini termaktub dalam undang-undang negara demokrasi, dan kita secara amnya percaya bahawa ia juga dibenarkan dalam agama Kristian. Tetapi, tidak, berdasarkan kebenaran-kebenaran dalam Kitab Suci, kita dapat:

- Tuhan mengasih semua orang. Tidak ada yang istilah pilih kasih di mata Tuhan, dan Tuhan menghendaki bumi dan segala isinya ditujukan untuk semua manusia. Oleh itu, setiap ciptaan-Nya perlu dikongsi secara adil kepada semua.
- Kekayaan dan harta benda harus difahami sebagai milik kita sebagai pengurus tetapi bukan pemilik secara mutlak.
- Tiada seseorang atau negara boleh mempunyai kelebihan jika orang lain tidak mempunyai keperluan asas.
- Semua orang diwajibkan untuk membantu orang miskin.
- Kecaman terhadap ketidakadilan adalah keharusan dalam kerasulan kita.
- Dalam semua situasi di mana terdapat ketidakadilan, ketidaksaksamaan,

penindasan, kemiskinan yang teruk, *Tuhan tidak diam*. Sebaliknya Tuhan menghendaki tindakan terhadap segala sesuatu dan kepada setiap orang yang melakukan ketidakadilan dan kematian.

Prinsip-prinsip ini kuat, tetapi kita selalu lupa atau menyangka Yesus tidak benar-benar menuntut perkara ini daripada kita.

Apalah lagi, jika diambil serius, prinsip-prinsip ini secara radikal akan mengganggu kehidupan kita dan ketenteraman sosial.

Sebagai contoh: terdapat hampir empat puluh lima juta pelarian di dunia kita hari ini, kebanyakannya mereka ingin menyeberangi sempadan ke negara baru.

Adakah realistik bagi mana-mana negara hari ini "untuk mengalu-alukan orang asing", untuk membuka sempadan dan mengalu-alukan sesiapa sahaja yang ingin menyeberang seperti yang dikatakan dalam kitab suci?

Menerima semua pendatang memang tidak realistik atau boleh mengganggu manfaat sosial, keselesaan dan keselamatan orang tempatan.

Meskipun kita tahu ajaran untuk prihatin terhadap golongan miskin dan lemah terdapat dalam kitab suci, tetapi dari segi pragmatisme sosial dan politik, kita teragak-agak untuk menjaga golongan "janda, anak yatim, dan pendatang" seperti yang dinyatakan oleh Yesus dan kitab suci.

Sama ada ini mengganggu keselamatan dan keselesaan kita atau tidak, sejarah membuktikan Tuhan sentiasa berpihak kepada mereka yang miskin. **Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

Tuhan pasti memulihkan nasib umat-Nya yang menderita



apa untuk dibantah.

Yesus tidak pernah mlarang orang memiliki harta, hidup sejahtera, tertawa dan makan minum.

Sabda Celaka adalah peringatan keras kepada kita semua untuk tidak menjadikan harta, kesejahteraan dan kesenangan menjadi penghalang bagi kita untuk memandang dan dipandang Tuhan.

Mari berjuang memandang dan dipandang Tuhan agar boleh mengalami damai dan suka cita sejati sebagaimana dialami Petrus, Yakobus, Yohanes dan teman-temannya. Agar kemudian kita boleh mewartakan pengalaman damai ini kepada orang lain.

Versi Lukas tentang Ucapan Bahagia menggunakan ucapan langsung: "Diberkatilah kamu..." (ayat 20-23). Lukas juga menambahkan beberapa Kata-kata Celaka, yang juga menggunakan ucapan langsung: "Celakalah kamu..." (24-26).

Corak ciri Lukas ini menyampaikan mesej kedua: pendengar, anda dan saya, serta-merta terlibat, dijemput dan dicabar. Tuhan meneur dan menegur kita secara langsung.

"Bergembiralah" di sini bermaksud pernyataan atau penegasan, bukan harapan. Apakah jenis pendengar yang Tuhan nyatakan "diberkati"?

Orang miskin, lapar dan menangis. Sungguh mengejutkan dan luar biasa! Pada zaman sekarang, ajaran ini umpsama "bid'ah". Menjadi miskin, lapar dan menangis sudah tentu tidak ideal. Tuhan bercakap tentang fakta, tentang pengalaman konkret sebenar mereka yang mengikut Dia.

Mereka yang miskin, lapar dan menangis dipanggil "berkat" kerana nasib mereka pasti akan berubah sama sekali. Dalam Kerajaan Tuhan yang Yesus bawa, Tuhan pasti akan memulihkan nasib umat-Nya yang menderita. Adakah ajaran ini serupa dengan ketigahan atau dadah yang membuatkan orang malas dan berputus asa dengan keadaan mereka? Sama-sekali tidak!

Sabda Bahagia memberikan optimisme yang real. Mengapa? Sebab ia berdasarkan tindakan Tuhan yang sudah terbukti dalam sejarah:

Dia selalu membela orang beriman yang

MINGGU BIASA ENAM (TAHUN C)

**YEREMIA 17:5-8;
1 KORINTUS 15: 12,16-20;
INJIL LUK. 6:17, 20-26**

menderita dan tertindas. Dia membela dan memihak para nabi-Nya yang ditindas (ay.23). Bukti yang paling utama: Dia memihak dan membenarkan Anak-Nya yang dipersalahkan dan dihukum mati, dengan membangkitkan-Nya.

Versi Lukas tentang Ucapan Bahagia juga menekankan aspek sekarang: "sekarang" (ayat 21 dan 23). Harapan Kristian mempunyai kedua-dua dimensi masa depan dan sekarang.

Projek Tuhan memang akan sempurna pada masa hadapan, tetapi kehidupan rohani kita mesti mula diatur sekarang ini.

Tuhan mahu umat-Nya bertindak sebagai komuniti perkongsian, di mana orang yang kelaparan mula merasakan penjagaan dan perlongan.

Tuhan mengharapkan umat-Nya menjadi komuniti yang saling menggalakkan, tempat di mana mereka yang menangis mula merasa terhibur.

Sebaliknya, kita menjadi umat yang "celaka" jika kita terus melihat dan bergantung kepada kekayaan, kepuasan dan kesenangan.

Yesus menekankan bahawa semua pergantungan ini akan hilang dalam dunia baru yang Dia bawa. Injil mestilah berita baik yang mengubah hati dan keadaan, memperbaiki kehidupan di sini dan sekarang, sambil bersedia untuk menikmatinya sepenuhnya pada masa hadapan. **Fr Fransiskus Emanuel Da Santo, Pr.**

Nampaknya kita semua harus memahami mengapa tidak ada yang membantah kerana murid-murid Yesus sendiri mengalami ajaran Yesus yang paling penting dan asas.

Kemiskinan dilihat tidak mempunyai apa-apa, justeru tiada halangan untuknya melihat Tuhan. Yang dimiliki dan boleh dipandang hanyalah Tuhan.

Kelaparan, kesedihan, dan permusuhan membuat orang berjuang untuk berlari dan mencari Tuhan.

Pengalaman ini dialami oleh murid-murid apabila mereka mendengar kata-kata Yesus. Mereka memandang dan merenung Yesus, kerana semuanya indah dan tidak ada apa-

Elena Woo

SHAH ALAM: Archdiocesan Bahasa Malaysia Apostolate (ABMA) telah menganjurkan program “Pengalaman Kerohanian Komuniti untuk Komuniti Umat Berbahasa Malaysia”(KUBM) di Gereja Kerahiman Ilahi, Shah Alam pada Januari 25 lalu.

Program ini bertujuan untuk memperkuatkan iman serta membina hubungan erat dalam kalangan ahli komuniti dan mempunyai tiga objektif utama:

- Mengenal pelan dan misi Tuhan —Memberi pemahaman tentang rancangan Tuhan dalam kehidupan kita.
 - Mengiktiraf cabaran dalam membina Komuniti — Menyedari wujudnya cabaran dalam membangunkan komuniti rohani.
 - Membangunkan rancangan Tuhan untuk Komuniti — Merancang langkah-langkah hidup selaras dengan kehendak Tuhan.
- Formasi ini dimulakan dengan pengenalan ABMA oleh Sdra Egbert Adolf yang visi ABMA, “Bersama menghidupi dan mewartakan iman Kristiani berpusatkan Tritunggal Mahakudus” dan misi ABMA, “pelayanan Komuniti Umat berbahasa Malaysia (KUBM) di



Inisiatif ABMA dalam membina daya tahan rohani

Keuskupan Agung Kuala Lumpur melalui kolaborasi dan kerja berkumpulan.”

Semasa sesi pertama “Siapakah Saya” yang disampaikan oleh Sdra Agustus Antone, peserta diminta melukis simbol yang menggambarkan diri mereka dan merenungkan makna simbol tersebut.

Sdra Agustus berkongsi simbol pilihannya, iaitu gelas kosong, sebagai lambang dirinya yang

mengharapkan diisi dengan berkat Tuhan.

Sdra Spencer Klumai dalam sesi kedua, “Mengenali Kristus dan Kehadiran-Nya” membawa para peserta merenung peranan Yesus Kristus dalam kehidupan mereka, bagaimana mereka menyedari kehadiran-Nya, dan bagaimana Yesus mempengaruhi hidup mereka.

Perkongsian tentang Kristus yang

menjadi sumber kekuatanya, Sdra Valeri Nozie dalam sesi “Menyedari Pilihan Tuhan” berkongsi pengalaman peribadinya tentang bagaimana panggilan Tuhan tetap hadir walaupun dalam masa sukar.

“Hidup dalam roh menjadikan kita sumber kehidupan kepada komuniti” kata Sdra Egbert yang mengendalikan sesi “Kerohanian dalam komuniti”, menekankan kepentingan komitmen dalam pelayanan

walaupun menghadapi rintangan.

Sdra Elena Woo dalam sesi “Cabaran Perjalanan Kita” pula memberi semangat kepada para peserta bahawa cabaran boleh diatasi kerana Tuhan memahami kekuatan dan kelemahan kita.

Re koleksi itu juga diisi dengan sesi “Peneguhan” apabila setiap peserta memberi peneguhan dengan menyampaikan dua kualiti positif untuk setiap ahli kumpulan mereka.

Latihan rohani melalui bengkel pembuatan sabun



PULAU PINANG: Seramai 25 orang ahli Persatuan Mahasiswa Katolik Universiti Sains Malaysia (CUS USM) telah berkolaborasi dengan Kerasulan Bahasa dan CARITAS Risen Christ dalam sebuah bengkel unik iaitu bengkel pembuatan sabun.

Bengkel itu bertujuan untuk menghasilkan sabun herba dan antibakteria untuk tahanan di Keuskupan Pulau Pinang dan sepanjang proses pembuatan sabun itu, para mahasiswa dapat merenung perjalanan rohani serta hubungan mereka dengan Tuhan.

Dengan sokongan paderi paroki,

Friar Esmond Chua, OFM dan Sdra Stephanie Cheong dari Caritas Risen Christ, para peserta diingatkan bahawa setiap tindakan, tidak kira sekecil mana pun, boleh menjadi tanda kasih dan harapan kepada orang lain. Sabun yang dihasilkan oleh para mahasiswa, bukan sekadar objek fizikal melainkan menyampaikan makna tersirat yang lebih dalam iaitu anugerah kasih sayang, perhatian dan keinginan untuk menyokong tahanan untuk berubah ke arah yang lebih baik.

Bengkel yang lebih daripada sekadar projek khidmat masyarakat

itu menjadi latihan spiritual yang dapat memperdalamkan pemahaman pelajar tentang kasih Tuhan.

Mereka juga diingatkan bahawa usaha mereka dalam proses pembuatan sabun ini menjadi salah satu cara untuk menawarkan ekspresi solidariti dan belas kasihan yang nyata.

Bengkel membuat sabun itu pasti meninggalkan indah dan tidak akan dilupakan bagi semua yang terlibat. Sebanyak 1,000 buku sabun telah dihasilkan dan akan diberikan kepada pihak penjara di Keuskupan Pulau Pinang pada musim Paskah kelak. Jaden



Kerohanian, Sinodal dan kesediaan

para peserta terus berharap kepada Tuhan dan yakin bahawa segala sesuatu yang berlaku itu pasti ada rencana Tuhan sendiri.

Gereja itu adalah kita dan kita perlu menjadi harapan kepada semua yang memerlukan.

Di dalam rekoleksi singkat ini, peserta telah dibahagikan kepada 10 kumpulan kecil untuk sesi dialog dan seterusnya sesi pemben-

tangan tentang bagaimana menjadi penziarah harapan. Re koleksi diakhiri dengan doa, diikuti majlis persaudaraan yang ringkas.

Pada Hari Paroki OLL, pengurapan orang sakit merupakan salah satu acara kemuncak yang pasti memberikan harapan kepada mereka yang memerlukan penyembuhan. **Andriana Anak Bagat**

Membawa sinar harapan kepada komuniti terabai

ASSAM JAWA: Sepuluh keluarga kurang berkemampuan menerima bantuan semasa program jangkauan yang diadakan pada Januari 18, di Chapel of Our Lady of Good Health, terletak kira-kira 23 km dari Bestari Jaya.

Inisiatif itu, yang memberi manfaat kepada keluarga Katolik dan bukan Katolik dari kawasan sekitar Assam Jawa dan Bukit Rotan. Ia dianjurkan oleh jawatankuasa Gereja itu, diketuai pengurus

Veiangkanni Masilamani, dengan kerjasama kumpulan Katolik dari Kuala Lumpur.

Program ini mendapat restu daripada Fr James Gabriel, pentadbir Gereja itu. Ia dimulakan dengan doa renungan tentang harapan Kristian, apabila para hadirin Katolik diingatkan tentang peranan mereka dalam menjadi suara harapan kepada masyarakat yang terpinggir, menawarkan sokongan material dan penjagaan.



Berharap kepada Tuhan itu pasti membawa satu kebahagiaan kepada umat-Nya kerana harapan kepada Tuhan tidak pernah mengecewakan.

Mewujudkan Gereja yang mesra OKU juga adalah satu contoh Gereja dapat memberikan harapan kepada mereka yang memerlukan.

Fr Michel Dass meyakinkan

Sahabat Kecil Yesus

Hello adik-adik,

Apa khabar? Nampaknya cuti semester berakhir pada hari Ahad ini. Pada hari Isnin, Feb 17, adik-adik akan kembali ke sekolah.

Adik-adik, sempena musim cuti sekolah lalu, pasti adik-adik banyak melakukan perkara yang

menggembirakan bukan?

Tetapi ada juga adik-adik yang bersedih kerana kehilangan orang tersayang, sakit atau ditimpah bencana.

Apa pun adik-adik, mari kita membaca Injil Lukas untuk mengetahui apa maksud 'bahagia' atau 'gembira' dan 'sedih'.

Yesus mengatakan berbahagialah orang yang miskin, yang lapar dan menangis.

Yesus tidak mengatakan berbahagialah 'orang yang kaya' atau berbahagialah 'orang-orang yang mampu memiliki gajet mahal'.

Yesus tidak menghalang kita untuk memiliki kekayaan atau

mencari kesenangan. Apa yang Yesus maksudkan dalam Injil Lukas ini ialah kegembiraan sebenar kita akan terjadi hanya jika kita mengikuti Yesus Kristus, sumber Harapan dan Sukacita kita!

Salam Sayang
Auntie Melly

Isikan jawaban pada tempat kosong pada gambar di bawah. Jawabannya ada dalam Injil Lukas 6: 20-21. Kemudian, warnakan gambar di bawah.



Bantu tiga orang kanak-kanak pada gambar di atas untuk mencari Yesus.



dipuaskan
berbahagia

miskin
kerajaan

lapar
menangis

tertawa

BELIA

KAUM MUDA KENALI PANGGILAN DALAM PROGRAM AMARE ET SERVIRE

SIBU: Amare Et Servire (Mengasihi dan Melayani) merupakan tema bagi Program Panggilan yang dianjurkan oleh Keuskupan Sibu pada Januari 17-19 lalu di Katedral Hati Kudus.

Sembilan orang telah menghadiri program yang berlangsung selama tiga hari, di Pusat Laodato Si', Sibu.

Program ini dianjurkan bersama oleh

para seminarian dari Keuskupan Sibu, iaitu Seminarian Stephen, Charles, Joseph Wong, Joseph Lee dan Leo.

Turut hadir menyampaikan perkongsian ialah Friar Francis Go, OFMCap, Fr Johanaz Ling dan religius dari Putri Karmel, dan Sister of St Francis of Sarawak (SSFS).

Friar Francis yang menyampaikan sesi "What God called me for?" berkongsi



cara mengenali panggilan Tuhan dan bagaimana menjawab panggilan tersebut.

Fr Johanaz Ling pula berkongsi tentang kehidupan kepaderian dan menyeru para peserta agar berani menyahut panggilan Tuhan bagi melayani umat melalui pelayanan sakramen dan kepimpinan pastoral.

Katanya, "Tuhan tidak memanggil yang kudus, tetapi Dia memanggil yang berdosa," sebagai motivasi kepada para peserta yang masih ragu-ragu dalam hati mereka.

Bagi pemudi yang merasa dipanggil kepada kehidupan religius, seorang Sister dari Putri Carmel, Sr Augustine menekankan bahawa mengikuti Tuhan memang mencabar. Namun, melayani umat melalui doa dapat mempererat hubungan

dengan Tuhan.

Sr Diana SSFS turut berkongsi tentang tugas mereka melayani dengan murah hati dan kesederhanaan kepada umat yang memerlukan.

Setelah sesi perkongsian, diadakan sesi soal jawab yang membantu peserta memahami langkah-langkah untuk menjawab panggilan Tuhan dalam hidup mereka. Selain perkongsian, pelbagai aktiviti lain turut dijalankan, seperti Misa Kudus, malam barbeku, Pesta Pujian dan Penyembahan, serta Adorasi Ekaristi.

Program dimulai dengan doa pagi dan diakhiri dengan doa malam setiap hari. Misa Kudus hari Minggu menjadi acara penutup sebelum para peserta kembali ke kediaman masing-masing. **Barbara Simba Jampi**



Harapan akhiri pemerdagangan manusia di Pintu Suci

VATIKAN: Mereka datang dari Australia, Cameroon, Jepun, Albania, Romania, Ukraine, Kenya, Mexico, Uruguay dan Peru. Apakah persamaan mereka? Mereka ialah duta-duta belia yang bergabung tenaga dengan Talitha Kum, rangkaian antarabangsa religius wanita yang memerangi pemerdagangan manusia.

Aktiviti mereka dimulakan dengan menghadiri Angelus bersama Sri Paus Fransiskus di Dataran Sto Petrus pada Februari 1.

Pada keesokan harinya, para duta belia itu menjadi Penziarah Harapan. Mereka memulakan ziarah mereka ke Basiliika Sto Petrus.

Kumpulan ini bukan sahaja berjalan secara fizikal, tetapi juga secara digital. Dengan aplikasi "Walking in Dignity" mereka melangkah ke ambang Pintu Suci sebagai langkah kepada usaha memerangi pemerdagangan manusia bersama Talitha Kum.

Selepas melintasi Pintu Suci, para duta belia itu juga melintasi Pintu Suci di Sto Yohanes Lateran dan Sta Maria Major serta



Pintu Suci di Basiliika Sto Paulus di Luar Tembok.

Sr Abby Avelino, Koordinator Antarabangsa Talitha Kum berkata, para duta belia itu mengambil kesempatan sempena Tahun Jubli dan Ziarah Harapan "untuk menjemput ramai orang berjalan bersama kami, berjalan dalam maruah" sempena Hari Doa dan Kesedaran Antarabangsa Ke-11 Terhadap Pemerdagangan Manusia yang

disambut pada setiap Februari 8.

Dengan menggunakan Aplikasi Walking in Dignity, ia meningkatkan kesedaran kaum muda tentang pemerdagangan manusia dan pada masa yang sama, menyokong projek yang dilakukan oleh Talitha Kum, jelas Sr Abby.

Talitha Kum bekerja keras di peringkat akar umbi. Dalam program "Berjalan dalam Maruah" dan berjalan dengan orang ramai,

kita mengingati dan mendoakan ramai orang yang masih hidup dalam perhambaan zaman moden.

Lebih 50 juta orang dianggarkan merupakan mangsa perhambaan dan pemerdagangan manusia.

"Semasa kita berjalan bersama, kita boleh berharap untuk menamatkan pemerdagangan manusia!" kata Sr Abby. **Media Vatikan**

Belia Israel, Palestine, Amerika bersatu demi keamanan

VATIKAN: "Sejak kecil, saya dibesarkan untuk tidak bercakap antara satu sama lain. Ada kecenderungan kuat untuk merendahkan pihak lain. Sebenarnya belajar berbual dan mendengar naratif yang berbeza adalah penting," kata Abigail Szor dari Israel, berkongsi pengalamannya menyertai "*Meaning Meets Us*," yang menghimpunkan belia Islam, Yahudi dan Kristian untuk dialog antara agama dan budaya pada Februari 2-5, 2025 di Vatikan.

Perhimpunan "*Meaning Meets Us*" dianjurkan sebagai tindak balas kepada keperluan untuk dialog dan persefahaman dan kesedaran bersama berikut serangan Hamas ke atas Israel pada Oktober 2023.

Pelajar dari Universiti Hebrew Jerusalem menerusi projek yang bertujuan untuk memupuk persefahaman dalam kalangan golongan muda dari pelbagai latar belakang, manakala persatuan *Scholas Occurrentes* antarabangsa menyelaraskan acara kemuncak "*Meaning Meets Us*" iaitu

pertemuan dengan Sri Paus Fransiskus di Dewan Paulus VI. Semasa pertemuan singkat mereka dengan Bapa Suci, para peserta menyerahkan surat dan baju T, yang ditandatanganinya. Dalam surat itu, para peserta mengatakan perbualan sukar yang telah mereka lakukan, menyatakan bahawa matlamat mereka bukanlah persetujuan tetapi persefahaman bersama.

Mengatasi perpecahan

Dalam perhimpunan itu, belia Israel, Palestine dan Amerika memilih untuk mengetepikan retorik yang memecahbelahkan dan menolak ucapan kebencian demi "mempertahankan dialog yang kompleks" dan belajar memahami perspektif satu sama lain.

"Saya datang kerana saya mahu hidup dengan aman dan bahagia," tegas Maysan Madi, seorang Arab Palestine, menyifatkan pertemuan itu sebagai sangat mengharukan. "Saya bukan seorang Kristian, namun saya merasakan kesucian dan kehebatan tempat ini khususnya semasa bertemu dengan Bapa Suci pada akhir "*Meaning Meets Us*". Saya rasa semua yang hadir, tanpa mengira latar belakang atau kepercayaan mereka, merasakan dan merindui perkara yang sama iaitu keamanan," ujar beliau. **Media Vatikan**

kedua-dua belah pihak yang saya sayangi dan penting bagi saya," tambahnya.

Bagi Isabel Gonzales, seorang pelajar di Universiti Notre Dame, peluang untuk bertemu Bapa Suci Fransiskus amat bermakna. Dia berharap untuk pulang ke rumah untuk berkongsi pengalaman dan pengajaran yang dia pelajari sepanjang perhimpunan itu serta komited menyumbang kepada usaha untuk perdamaian.

"Kita semua mahu hidup dengan aman dan bahagia," tegas Maysan Madi, seorang Arab Palestine, menyifatkan pertemuan itu sebagai sangat mengharukan. "Saya bukan seorang Kristian, namun saya merasakan kesucian dan kehebatan tempat ini khususnya semasa bertemu dengan Bapa Suci pada akhir "*Meaning Meets Us*". Saya rasa semua yang hadir, tanpa mengira latar belakang atau kepercayaan mereka, merasakan dan merindui perkara yang sama iaitu keamanan," ujar beliau. **Media Vatikan**



Dialog dapat atasi kecurigaan antara agama

ABU DHABI: Kardinal Luis Antonio Tagle (gambar) menekankan keperluan untuk dialog dan persaudaraan untuk mengatasi kecurigaan yang semakin meningkat terhadap agama dalam dunia yang semakin sekular.

Bercakap pada majlis Anugerah Zayed untuk Persaudaraan Manusia di Abu Dhabi, beliau menekankan bahawa "satu-satunya penawarnya adalah pertemuan dan dialog yang

ditandai dengan persahabatan dan rasa hormat antara orang yang berbeza tradisi agama."

Anugerah Zayed telah ditubuhkan pada 2019 berikut pemerluan Dokumen Persaudaraan Manusia untuk Keamanan Dunia dan Hidup Bersama oleh Sri Fransiskus dan Imam Besar Al-Azhar, Sheikh Ahmed al-Tayyeb.

Mewakili Takhta Suci, Kardinal Tagle mengesahkan komitmen Gereja untuk memupuk

persahabatan antara agama lebih-lebih lagi lantaran fenomena penghijrahan telah meningkatkan hubungan antara orang dan masyarakat daripada pelbagai tradisi, budaya, dan agama," katanya kepada para hadirin di *Abrahamic Family House*, bangunan mercu tanda yang dilancarkan oleh dokumen 2019.

Beliau menekankan cabaran kewujudan bersama di banyak bahagian dunia, di mana kepen-

tingan politik dan ekonomi me-manipulasi perbezaan budaya dan agama, memburukkan lagi konflik masa lalu dan memupuk suasana ketidakpercayaan dan ketakutan.

Kardinal itu menyeru dialog sebagai alat penting untuk perpaduan, sambil menambah: "Sememangnya, setiap kali kita mengambil jalan itu, jalan yang digariskan oleh Dokumen Persaudaraan Manusia, kita menjadi manusia yang lebih murni." **Media Vatikan**



Carlo Acutis, serlah kegembiraan hidup dalam mengikuti Yesus

VATIKAN: Ketika bertemu dengan para penziarah muda dari Sweden, Norway, Denmark, Norway, dan Finland pada Februari 3 lalu, Sri Paus Fransiskus mengatakan bahawa Beato Carlo Acutis menunjukkan kepada golongan muda bahawa "kepenuhan dan kegembiraan" kehidupan di dunia hari ini didapat dalam mengikuti Yesus.

Bapa Suci turut mengumumkan bahawa Beato muda itu akan dikanonisasikan pada April 27 ini. "Santo muda, Carlo Acutis beta-

pa bahagianya jika orang muda sekarang untuk mengikuti Yesus, berkongsi ajaran-Nya dengan orang lain dan dengan itu menemui kepenuhan hidup dalam kegembiraan, kebebasan dan kekudusan."

Sri Paus kemudiannya menggesa golongan muda Katolik untuk menjalankan peranan mereka sebagai umat yang dibaptis dan memetik kata-kata dari dokumen "*Christus Vivit*", "Gereja memerlukan momentum anda, intuisi anda, iman anda. Kami memerlukan anda!" **CNA**

Uskup di India seru umat terima cara hidup sinodal

BHUBANESWAR, Odisha, India: Uskup Katolik India menyeru umat beriman untuk menerima cara hidup sinodal, menegaskan komitmen mereka untuk Gereja yang berakar pada Persekutuan, Partisipatif dan Misi.

Pada mesyuarat di Bhubaneswar untuk Perhimpunan Pleno ke-36 Persidangan Uskup Katolik India (CCBI), para prelatus mengeluarkan surat pastoral yang menekankan visi mereka untuk masa depan Gereja di India.

Surat itu, memetik beberapa dokumen penting Gereja seperti Sintesis Kebangsaan CCBI

(2022), Dokumen FABC Bangkok 50 (2023), dan Pelan Pastoral – Misi 2033 (2024), mengenali pasti pembentukan iman, belia dan keluarga, keadilan sosial, kesaksamaan jantina, penginjilan digital, tanggungjawab ekologi dan dialog antara agama.

Untuk mengukuhkan proses sinodal, para uskup berjanji untuk memastikan "pendekatan sinodal di semua peringkat membuat keputusan", terutamanya dalam paroki dan majlis keuskupan, menekankan "mendengar orang lain dan kebijaksanaan dalam doa" sebagai komponen penting dalam

tadbir urus Gereja.

Sempena Tahun Jubli 2025, para uskup menggesa umat Katolik untuk menerima "Sinodaliti sebagai cara hidup, mengembara bersama sebagai Penziarah Harapan."

Mereka juga menyatakan rasa terima kasih atas "penyertaan aktif umat beriman dan menggalakkan penglibatan selanjutnya dalam membentuk misi Gereja."

Surat itu diakhiri dengan permohonan doa untuk perantaraan Maria, Bonda Gereja, mencari bimbingan Ilahi dalam perjalanan ini. **LiCAS News**



ANGELUS BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Roh kudus ‘kuasa’ yang menggerakkan kasih

VATIKAN: “Orang Kristian harus mengikuti teladan seperti yang ditunjukkan oleh Perawan Maria yang Diberkati semasa mengunjungi sepupunya Elisabet, meneladani Maria ketika menyambut Tuhan dan rancangan-Nya untuk hidup kita,” kata Sri Paus Fransiskus semasa Audiensi Umumnya pada Februari 5.

Prelatus itu Fr Pierluigi Giroli, IC, untuk membaca katekesisnya kerana mengalami selsema.

Tuhan melawat umat-Nya

Meneruskan siri katekesisnya mengenai tema Tahun Jubli iaitu “Yesus Kristus Harapan kita,” Bapa Suci merenungkan misteri Lawatan Bonda yang Terberkati, melawat Sta Elizabeth, “tetapi di atas segalanya Yesus, dalam rahim ibu-Nya yang melawat umat-Nya.”

Malah, selepas terkejut dan kehairanan selepas malaikat Gabriel mengumumkan Khabar Gembira, bangun dan memulakan perjalanan.

Sri Paus menekankan bahawa Maria tidak takut bahaya atau penghakiman orang lain; sebaliknya, wanita muda itu pergi ke arah orang lain dan bukannya memilih untuk melindungi dirinya daripada dunia.

Sangti Papa mengatakan bahawa apa yang terjadi pada Perawan Suci Maria ialah dia mengalami kuasa yang menggerakkan cinta.

Bapa Suci seterusnya mengingatkan hadirin akan kata-kata Sto Paulus bahawa kasih Kristus mendorong kita dan meng-



Sri Paus Fransiskus menyalam seorang kanak-kanak selepas audiensi umum hari Rabu, Februari 5, 2025 di Vatikan. (Media Vatikan)

gerakkan kita.

“Maria merasakan dorongan cinta ini,” kata Sri Paus sambil menambah bahawa cinta mendorong Maria untuk melawat sepupunya dan “untuk berkongsi kepercayaannya kepada Tuhan yang mustahil dan harapannya dalam penggenapan janji-janji-Nya.”

Kidung Agung

Menurut Sri Paus, “Santa Perawan Maria tidak bercakap tentang dirinya tetapi tentang Tuhan. Dalam kidung pujiannya, Maria melafazkan pujian penuh iman, harapan dan kegembiraan.”

Meskipun dalam kidung itu menggunakan kata kerja dalam bentuk lampau tetapi “kata-katanya dipenuhi dengan ingatan tentang cinta yang menerangi masa kini

dengan iman dan menerangi masa depan dengan harapan.”

“Maria menyanyikan rahmat masa lalu, namun dia juga adalah wanita masa kini yang membawa masa depan dalam rahimnya,” jelas Bapa Suci.

“Tuhan berkenan kepada Maria yang rendah hati untuk memenuhi ‘perkara-perkara besar’ untuk-Nya dan menjadikannya, bonda Tuhan,” kata Sri Paus sambil menekankan kesetiaan Tuhan kepada umat-Nya adalah selama-lamanya.

Pada akhir audiensi itu, Sri Paus Fransiskus mengundang semua hadirin untuk memohon kepada Tuhan bagi rahmat dalam menunggu penggenapan setiap janji-Nya dan untuk membantu kita meneladani Maria dalam menjalani kehidupan kita. **Media Vatikan**

Gereja mengajarkan bahawa sebelum kedatangan Yesus yang kedua kali, Antikristus akan datang untuk menyesatkan jiwa-jiwa. Gereja biasanya merenungkan kedatangan Yesus Kristus yang kedua kali semasa minggu-minggu terakhir Masa Biasa dan beberapa minggu pertama Adven, topik “Antikristus” pasti akan muncul.

Ini adalah ajaran Gereja Katolik yang sangat misteri dan rujukan kitab suci tidak banyak menjelaskannya. Walau bagaimanapun, Gereja mempunyai ajaran rasmi mengenai Antikristus, dijelaskan secara terperinci dalam Katekismus Gereja Katolik.

Penipuan terakhir

“Sebelum kedatangan Kristus yang kedua kali, Gereja harus menghadapi ujian terakhir yang akan menggoyahkan iman banyak orang percaya.

Penganiayaan yang menyertai ziarah di bumi akan mengungkap “misteri kejahatan” dalam bentuk penipuan agama yang menawarkan kepada manusia penyelesaian nyata untuk masalah mereka dengan harga “melupakan agama dan kebenaran”.

Penipuan agama tertinggi adalah Antikristus, sebuah pseudo-mesianisme iaitu manusia memuliakan dirinya sendiri menggantikan Tuhan dan Mesias yang pernah menjadi manusia” (KGK No.675).

Seperti semua aspek kedatangan Yesus yang kedua kali, setiap zaman berfikir bahawa mereka sedang hidup dalam “hari-hari terakhir”.



Siapakah itu Antikristus?

Sto Thomas Aquinas menunjukkan dalam *Summa Theologiae* bahawa orang Kristian awal menyangka mereka sedang hidup dalam “akhir zaman.”

Mereka juga menyangka bahawa Antikristus sudah dekat, jika belum hadir ia akan hadir dalam bentuk Maharaja Roma.

Tidak mungkin dapat ditentukan berapakah jumlah malapetaka seperti itu yang akan segera terjadi sebelum hari penghakiman atau kedatangan Antikristus.

Bahkan, semasa zaman penganiayaan Gereja Awal yang begitu pahit, dan kerosakan kesalahan begitu banyak.

Dalam situasi ini, beberapa umat beriman percaya dan menantikan kedatangan Antikristus yang sudah dekat atau sudah datang.

Inilah sebabnya mengapa Gereja bahkan menyebut bahawa penipuan Antikristus telah aktif sejak kedatangan Kristus yang pertama. Penipuan Antikristus sudah mulai terbentuk di dunia setiap kali ada dakwaan dibuat untuk mewujudkan dalam sejarah, harapan mesianik yang hanya dapat diwujudkan di luar sejarah, melalui penilaian eskatologi.

Gereja telah menolak bentuk-bentuk modifikasi dari pemalsuan kerajaan ini yang disebut milenarianisme, terutama bentuk politik mesianisme sekular yang “secara intrinsik adalah sesat”.

Seperti halnya hari-hari terakhir dunia ini, kita tidak akan tahu pasti apakah Antikristus hadir di dunia atau tidak. Mungkin dia telah datang dan telah bersama kita selama berabad-abad.

Sepanjang ujian iman ini, kuncinya ialah kita harus tetap bersatu erat dengan Yesus Kristus, tidak goyah dalam kepercayaan kita, sebaliknya percaya bahawa Dia akan memimpin kita ke rumah terakhir kita.

Kita mungkin tidak pernah tahu siapa Antikristus itu, tetapi kita mengenal Yesus Kristus, Jalan Hidup dan Kebenaran. Aleteia

PENULIS BERKICAU

Merindukan keamanan

Sri Paus Fransiskus pernah berkata, “Peperangan sedang menghancurkan dunia dan pemimpin agama mesti bersatu menggesa kerajaan mereka untuk berhenti sementara masih ada masa.”

Hal ini dikatakan oleh Bapa Suci pada September 24, 2024 kepada pemimpin agama yang berkumpul di Paris untuk upacara penutupan mesyuarat antarabangsa “*Imagining Peace*” yang dianjurkan oleh Komuniti Sant’Egidio.

Kini, pada bulan Februari ini, Sri Paus Fransiskus mengulangi semula gesaannya agar para pemimpin agama Kristian bekerja keras untuk berunding bagi menamatkan konflik yang berterusan di pelbagai negara di seluruh dunia. “Mengenai nilai utama kehidupan manusia, saya mengulangi ‘tidak’ untuk berperang,” tegas Sri Paus Fransiskus selepas doa Angelus pada Februari 2 lalu.

Prelatus itu menegaskan semula peperangan “memusnahkan, menghancurkan segala-galanya, memusnahkan nyawa dan membincaskan masa depan ramai orang.”

Menurut data terkini yang diterbitkan oleh *Global Conflict Tracker*, pertempuran dan serangan udara telah membunuh lebih 30,000 orang awam, 6.5 juta orang kehilangan tempat tinggal dan kira-kira 14.6 juta orang memerlukan bantuan kemanusiaan di Ukraine. Sementara itu, perang Israel-Hamas, yang bermula pada Oktober 2023, menyebabkan 1.9 juta penduduk Gaza kehilangan tempat tinggal. Agensi Pelarian PBB menganggarkan bahawa 25 peratus dari Lubnan kini berada di bawah arahan pemindahan Israel.

Menurut Kumpulan Krisis Antarabangsa, perang saudara di Sudan telah menyebabkan kesengsaraan manusia yang tidak terperi, dengan berpuluhan-puluhan ribu orang terbunuh dan berjuta-juta terpaksa meninggalkan rumah mereka.

Lebih daripada dua puluh tahun yang lalu, selepas serangan pengganas September 11 di Amerika Syarikat pada tahun 2001, Sri Paus Sto Yohanes Paulus II menerbitkan pesan Hari Keamanan Sedunia 2002, bertajuk, “Tiada Keamanan Tanpa Keadilan, Tiada Keadilan Tanpa Pengampunan.”

Kata-katanya benar dan bernubuat. Logik tindak balas dan dendam, tindak balas yang mesti sentiasa diikuti, mencetuskan lingkaran yang sukar untuk dicantas dan akibat bencananya akan dibayar oleh orang biasa. Dunia kita adalah dunia di mana terdapat orang yang tidak bertanggungjawab, yang enggan melabur dalam memerangi kelaparan, enggan meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan, enggan melabur dalam tenaga boleh diperbaharui dan mewujudkan ekonomi yang memihak kepada orang miskin, jauh sekali prihatin kepada kebaikan bersama, hanya memikirkan untuk melabur sejumlah besar dalam persenjataan semula dan dalam alat yang paling canggih untuk menghasilkan kematian dan kemusnahan. Bapa Suci sentiasa menegaskan, “Perang sentiasa memusnahkan!”

Antidot kepada peperangan ialah dialog: dialog sesama kita walaupun dengan mereka yang menentang kita. Tolong, jangan pernah jemu berdialog. Kedamaian dibina melalui dialog. Memang kadang-kadang dialog itu mustahil kerana kedegilan sesetengah pihak, tetapi kita mesti sentiasa berusaha!”

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau WhatsApp: 011-26391498



UNTUK PANGGILAN HIDUP IMAMAT DAN RELIGIUS

Marilah kita berdoa agar komuniti Gereja dapat membantu keinginan dan keraguan orang muda yang merasakan panggilan untuk melayani misi Kristus dalam hidup imamat dan religius.

Februari 16, 2025

Pelan utama mesyuarat pleno CBCMSB

PLENTONG, Johor: Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei (CBCMSB) telah mengadakan mesyuarat pleno pertamanya untuk tahun 2025 di Pusat MAJODI, baru-baru ini.

Selain para Uskup, perhimpunan itu turut menyaksikan penyertaan para formatur seminari, rektor, pengarah rohani dan ahli-ahli Konferensi para Pemimpin Umum Religius (CRMS), yang mengadakan mesyuarat masing-masing.

CBCMSB membicarakan beberapa detik penting sepanjang tahun 2024 iaitu kunjungan apostolik Sri Paus Fransiskus di Singapura pada Sept., 2024 dan penyertaan Uskup Agung Julian Leow, Presiden CBCMSB dan Uskup Agung Kuala Lumpur, dalam Perhimpunan Agung Biasa ke-16 Sinode para Uskup di Roma pada Oktober 2024.

Ziarah Tahun Jubli

Para uskup juga membincangkan rancangan untuk Tahun Jubli yang bertema "Penziarah Harapan". Setiap keuskupan di seluruh Malaysia, Singapura, dan Brunei telah memberi senarai pusat ziarah sepanjang Tahun Jubli sebagai mercu tanda rohani bagi umat Katolik untuk mer-



enung iman dan memperbaharui komitmen mereka terhadap misi Gereja.

Dikasteri untuk Menggalakkan Pembangunan Insan Berpadu

Alwin D Macalalad, Penyelaras Serantau untuk Asia Pasifik dan Oceania di bawah Dikasteri untuk Mempromosi Pembangunan Manusia Bersepadu (DPIHD) di Roma turut berucap pada mesyuarat.

Beliau membentangkan misi dan aktiviti DPIHD. Tumpuan Dikasteri itu ialah untuk menggalakkan pembangunan manusia holistik dalam bidang seperti ekonomi, ekologi, kesihatan, keselamatan, dan penjagaan pendatang dan pelarian.

Fr Francis Lim, SJ, Presiden baharu CRMS

Semasa mesyuarat bersama CBCMSB dan (CRMS), diumumkan jawatankuasa eksekutif baharu untuk 2025-2027.

Para uskup merakamkan rasa terima kasih mereka kepada mantan presiden, Friar Derrick Yap, dan mengalu-alukan presiden yang baharu, Fr Francis Lim, SJ.

Perbincangan utama pada mesyuarat itu termasuk melindungi dasar dan protokol yang melindungi kanak-kanak di bawah umur dalam Gereja, penjagaan warga emas untuk klerus dan religius yang semakin tua dan memerlukan penjagaan kejururawatan

Piagam Seminari Malaysia

Pada sesi rektor seminari, versi draf Piagam Seminari Malaysia telah dibentangkan.

Selepas perbincangan dan semakan, para uskup sebulat suara meluluskan dan menandatangani Piagam tersebut.

Piagam ini ditetapkan untuk berfungsi sebagai dokumen panduan untuk pembentukan seminari di Malaysia, memastikan program seminari sejarah dengan misi Gereja sambil memupuk pertumbuhan rohani dan intelek dalam kalangan paderi masa depan.

Institut Penginjilan Baharu

Perwakilan dari Institut Penginjilan Baharu (INE),

Michael Xavier dan Alex Choong, membentangkan laporan terkini institut itu sejak ditubuhkan pada 2021 melalui aplikasi Zoom.

INE telah mencapai sejumlah besar penganut Katolik di seluruh Malaysia melalui latihan atas talian dan program-program dalam kalangan pemimpin paroki.

INE juga berhasrat untuk meluaskan jangkauannya, khususnya di keuskupan Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Melaka-Johor, sambil memupuk hubungan yang lebih kukuh dengan keuskupan di Sabah dan Sarawak.

Hari Belia Katolik Malaysia

Pleno itu diakhiri dengan berita gembira apabila para uskup mengambil bahagian dalam sesi latihan vokal sebagai persediaan untuk Perjalanan Salib Malaysia iaitu sebuah acara belia peringkat nasional yang pertama, dijadualkan pada April 2025.

Acara itu, yang akan dilancarkan di Kota Kinabalu dan dijangka menghimpunkan lebih 1,500 orang muda dari seluruh Malaysia.

Ia juga merupakan platform kepada golongan muda untuk melibatkan diri dengan para uskup, mengukuhkan hubungan antara paderi dan generasi penganut Katolik di Malaysia.

Bengkel formatur seminari fahami keperluan calon paderi generasi baharu

PLENTONG, Johor: Konferensi Seminari Malaysia, Singapura dan Brunei menganjurkan Bengkel Formatur Seminari di Pusat MAJODI pada Januari 6-10 yang lalu.

Bengkel itu telah menghimpunkan 21 formatur dan pengarah rohani seminari dari rantau in demi lebih memahami keperluan generasi baharu dalam pembentukan seminari.

Bengkel bertema, "Penilaian dan Orientasi Seksual" dikendalikan oleh Fr Jaime Noel Deslate, seorang tokoh terkemuka dalam bidang pembentukan paderi dari Filipina. Berkhidmat sebagai Naib

Rektor Seminari di Keuskupan Agung Capiz, Filipina, Fr Deslate mempunyai pengalaman yang luas dalam membantu paderi menghadapi cabaran.

Bengkel itu berfungsi sebagai platform untuk dialog dan pembelajaran, menangani keperluan yang semakin berkembang bagi para seminarian generasi baharu. Dengan memberi tumpuan kepada penilaian dan orientasi seksual, bengkel ini bertujuan untuk melengkapkan formatur dengan sarana dan perspektif yang diperlukan bagi membimbing dan menyokong calon paderi dengan cara yang bermakna dan relevan.

Sembilan sesi yang disampaikan oleh Fr Deslate membincangkan topik-topik seperti Spektrum Generasi dan orientasi LGBTQ dan ketagihan seksual yang boleh terjadi pada individu yang sedang menjalani pembentukan paderi dan bagaimana membantu mereka menangani isu ini.

Secara keseluruhannya, bengkel itu telah membantu para formatur seminari dan pengarah rohani untuk memperdalam kesedaran tentang belas kasihan dan keramahan yang diperlukan untuk menangani dan menemani seminarian dalam pembentukan paderi di rantau kita.



Hari Kanak-kanak julung kali diadakan di Good Shepherd



KUALA LUMPUR: Hari Kanak-Kanak Gembala Baik yang julung kali diadakan telah disambut pada Januari 20, apabila umat yang berumur enam hingga 12 tahun diraikan dengan hiburan dan permainan yang menyeronokkan.

Kanak-kanak adalah sumber kegembiraan bukan sahaja kepada ibu bapa dan keluarga mereka tetapi untuk komuniti paroki dan komuniti keluarga dunia.

Sambutan itu menyumbang usaha dalam memupuk kesedaran tentang kepentingan penjagaan kanak-kanak dan perlindungan kanak-kanak.

Semasa menyampaikan ucapan kepada 70 kanak-kanak yang hadir, paderi paroki, Fr Mitchel Anthony Joseph menjelaskan bahawa hari tersebut disusun khas

untuk kanak-kanak kerana mereka istimewa di mata Tuhan, seperti yang Yesus sering perlihatkan kita.

Perayaan itu bermula dengan Misa Kudus. Fr Mitchel mengingatkan kita bahawa setiap daripada kita mempunyai sifat baik dan buruk.

Fr Mitchel mengatakan, "Kita mesti secara sedar dan konsisten memilih untuk mengekalkan sifat baik kita dengan merayakan Misa Kudus, berdoa, membaca Alkitab dan melakukan karya-karya belas kasihan."

Selepas Misa, kanak-kanak dijamu dengan sarapan yang lazat dihidangkan dan diikuti dengan permainan untuk memupuk persahabatan dalam kalangan kanak-kanak daripada kumpulan bahasa.